

**Pinjaman Tanpa Faedah Untuk Belajar Vokasional Di Taiwan - Chua Bernama  
17 Ogos, 2011**

ALOR SETAR, 17 Ogos (Bernama) -- Bagi menarik minat golongan Tionghua mempelajari bidang vokasional, MCA menawarkan pinjaman tanpa faedah kepada mereka yang berminat mengikuti pengajian berkenaan di beberapa universiti terpilih di Taiwan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata untuk tujuan itu MCA telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan enam universiti di Taiwan yang menawarkan pengajian secara percuma kepada sesiapa yang mengikuti pengajian vokasional di sana.

"Mereka tawarkan 300 tempat bagi setiap tahun bermula bulan ini (sesi pengajian bermula September), tapi sambutan sangat dingin sebab golongan Tionghua tak minat bidang ini kerana mereka anggap ia untuk orang yang gagal sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persekutuan Persatuan Teo Chew Semalaysia, di sini Rabu.

Beliau berkata, sekiranya tidak mendapat pengecualian yuran, setiap pelajar terpaksa membelanjakan antara RM35,000 hingga RM40,000 setahun, namun dengan pengecualian itu mereka hanya perlu mengeluarkan belanja kira-kira RM10,000 hingga RM15,000 setahun dan pinjaman boleh dibuat melalui MCA.

Chua berkata, mereka yang berumur di bawah 40 tahun yang berminat mempelajari kursus seperti penjagaan kanak-kanak, rekaan perabot, telekomunikasi, membaiki komputer dan pengurusan majlis perkahwinan digalakkan memohon pinjaman berkenaan.

"Ia juga dibuka untuk semua kaum tapi dengan syarat mereka fasih berbahasa Mandarin sebab akan belajar di Taiwan," katanya.

Beliau berkata setiap kursus adalah pada peringkat diploma dan tempoh pengajian selama dua tahun.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=608682>